

15 JAN 2003

TERENGGANU SEDIA WARTAKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

KUALA TERENGGANU, 15 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata Kerajaan Negeri sedia mewartakan undang-undang keluarga Islam seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Bagaimanapun, katanya ia akan mendapatkan pandangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sebelum mengambil apa-apa tindakan mewartakannya.

"Kita merasakan bahawa pihak jabatan agama dan penyelia agama akan menggunakan kebijaksanaan sendiri dalam mengendalikan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, kata Abdul Hadi kerajaan pusat juga perlu menyelaraskan perkara yang melibatkan pentadbiran undang-undang yang berkaitan dengan Islam secara menyeluruh.

"Ini termasuk undang-undang Hudud dan Qisas dan bukan sahaja undang-undang keluarga yang hanya menumpukan satu aspek," katanya.

Beliau berkata undang-undang itu sepatutnya disyorkan secara lebih meluas kerana ianya berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang menyentuh pendidikan Islam dalam segala aspek manusia.

Abdul Hadi berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang meminta setiap Kerajaan Negeri mewartakan Undang-undang Keluarga Islam secepat mungkin ke arah memastikan keseragaman dalam perundangan Islam di negara ini.

-- BERNAMA

MRA PR